



4 Jun 2014
4 June 2014
P.U. (A) 150

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) 2014

INCOME TAX (EXEMPTION) ORDER 2014



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) 2014**.

(2) Perintah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2014 hingga tahun taksiran 2016.

Syarikat yang layak

2. Dalam Perintah ini, “syarikat yang layak” ertinya suatu syarikat yang—

(a) diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*];

(b) bermastautin di Malaysia; dan

(c) memegang suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*] untuk menjalankan perniagaan yang disebut dalam subperenggan 3(1).

Pengecualian

3. (1) Menteri mengecualikan suatu syarikat yang layak dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan pendapatan berkanunnya yang diperoleh daripada perniagaan yang menyediakan perkhidmatan pengurusan kumpulan wang kepada amanah perniagaan atau amanah pelaburan harta tanah di Malaysia yang diuruskan menurut prinsip Syariah dan diprakukan oleh Suruhanjaya Sekuriti.

(2) Dalam subperenggan (1)—

- (a) pengurusan kumpulan wang mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;
- (b) amanah perniagaan mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007; dan
- (c) amanah pelaburan harta tanah mempunyai erti yang sama yang diperuntukkan dalam garis panduan yang berhubungan dengan amanah pelaburan harta tanah yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

(3) Tiada apa-apa jua dalam subperenggan (1) boleh melepaskan atau disifatkan telah melepaskan syarikat yang layak itu daripada mematuhi apa-apa kehendak untuk mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun atau memberi apa-apa maklumat lain di bawah peruntukan Akta.

Akaun berasingan

4. (1) Syarikat yang layak hendaklah menyenggara suatu akaun berasingan bagi pendapatan yang diperoleh daripada perniagaan yang disebut dalam subperenggan 3(1) bagi tempoh asas bagi setiap tahun taksiran dan pendapatan itu hendaklah dianggap sumber pendapatan berasingan dan berlainan syarikat yang layak itu.